



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PROGRAM SANGKUTAN MAHKAMAH ATASAN  
BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA**

Dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR), Badan Kehakiman Malaysia memperkenalkan satu program latihan kepada pelajar-pelajar yang sedang atau telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian (LLB (Hons.)) daripada mana-mana institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara.

Program latihan yang akan dikenali sebagai “Program Sangkutan Mahkamah Atasan” akan menempatkan pelajar secara terus dengan seorang Hakim Mahkamah Atasan yang terdiri daripada YA Hakim Mahkamah Persekutuan / YA Hakim Mahkamah Rayuan / YA Hakim Mahkamah Tinggi dan YA Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi.

Antara objektif Program ini adalah untuk:

- (i) menjadikan satu platform latihan tambahan (selain latihan industri wajib oleh universiti tempatan) kepada para pelajar yang sedang atau telah menamatkan pengajian di bidang undang-undang;
- (ii) memberikan satu peluang khas kepada para pelajar untuk meningkatkan pemahaman mengenai sistem kehakiman dan proses kerja di Mahkamah-Mahkamah Atasan;

- (iii) memberi pendedahan kepada para pelajar secara khusus mengenai kerjaya kehakiman di balik tabir terutamanya kepada bidang tugas seorang Hakim, suasana persekitaran dan suasana kerja yang terdapat di Mahkamah Atasan;
- (iv) membolehkan para pelajar untuk menghargai dan mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai keseluruhan proses kehakiman dari perspektif seorang Hakim Mahkamah Atasan; dan
- (v) memupuk sikap kerja yang baik kepada para pelajar sebagai persediaan kerjaya pelajar di dalam bidang kehakiman dan perundangan.

Syarat-syarat, borang permohonan dan prosedur pengendalian standard (SOP) Program Sangkutan Mahkamah Atasan Badan Kehakiman Malaysia boleh dilayari di portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my).

Terima kasih.

**Unit Komunikasi Korporat  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA**

**Tarikh: 7 Ogos 2020**